

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF
[PETRAJAYA]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2019 [ISNIN]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan keberkesanan langkah-langkah yang diambil Kementerian selama ini bagi membantu rakyat terutamanya generasi muda dalam memiliki rumah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyediakan dasar perumahan secara menyeluruh kepada semua golongan terutamanya kumpulan B40 dan M40 dalam meningkatkan kemudahan dan akses kepada pemilikan rumah mampu milik. Kemudahan ini turut meliputi golongan anak muda yang memenuhi kriteria dan syarat yang telah ditetapkan.

2. Keberkesanan usaha-usaha Kerajaan yang telah dibuat adalah berdasarkan pencapaian bagi setiap program/inisiatif yang dilaksanakan seperti berikut:

- i. **Penyediaan 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM)** dalam tempoh 10 tahun di seluruh negara sebagaimana Manifesto Pakatan Harapan melalui agensi-agensi pelaksana seperti KPKT, lain-lain Kementerian, Kerajaan Negeri dan pihak swasta. Sebanyak 39,864 unit rumah mampu milik telah disiapkan dalam tempoh Julai 2018 hingga 30 Jun 2019.
- ii. **FundMyhome – Depositku** - konsep di mana rakyat boleh mendapatkan bantuan kewangan untuk membeli rumah melalui kaedah pinjaman terbuka. Pembeli cuma perlu membayar 20% daripada harga rumah manakala baki 80 % akan di sumbang oleh pembiaya yang terlibat dan pulangan akan dikongsi bersama pada masa hadapan. Berdasarkan permohonan yang diterima di KPKT, sehingga Oktober 2019, seramai 24 pemohon telah menerima manfaat daripada program ini yang mula dilancarkan pada tahun ini.
- iii. **Skim Perumahan Mampu Milik Swasta** - merupakan salah satu langkah kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta membina lebih banyak rumah mampu milik. Skim ini menawarkan insentif sehingga RM30,000 seunit yang memberi faedah kepada pembeli-pembeli rumah dan pemaju-pemaju swasta. Sehingga Oktober 2019, sebanyak RM17.85 juta telah diperuntukkan yang melibatkan seramai 595 penerima insentif.

3. Kesimpulannya, inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan ini dapat membantu memastikan setiap rakyat terutamanya bagi golongan B40 dan M40 termasuklah golongan anak muda yang berkelayakan mampu memiliki rumah berkualiti. Sekian, terima kasih.